

# Sindiket seleweng diesel tumpas

**KPDNHEP rampas tangki fiber mengandungi 21,840 liter diesel**

**MOHD ISKANDAR OTHMAN**

**BUKIT MERIAJAM**

**P**ejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Seberang Perai Tengah berjaya mematahkan sindiket penyeleweng diesel dalam serbuan di sebuah premis tanpa nombor di Jalan Juru di sini pagi semalam.

Ketua Penguatkuasa KPDNHEP Seberang Perai Tengah, Ahmad Ahrazuddin, Ahmad Hamdan berkata, serbuan pada jam 5 pagi itu berjaya merampas sebuah tangki fiber yang mengandungi minyak diesel dianggarkan berjumlah 21,840 liter.

"Ketika serbuan, pihak kami mendapati sebuah lori tangki sedang dalam proses memindahkan minyak ke sebuah tangki yang lain di premis berkenaan.

"Berdasarkan dokumen yang diperolehi di tempat kejadian, lori berkenaan sepatutnya menghantar minyak ke tempat lain tetapi lori itu tidak sampai ke destinasi sepatutnya," katanya ketika dihubungi di sini.

Ahmad Ahrazuddin



Anggota KPDNHEP memeriksa lori tangki yang ditahan pagi semalam.

berkata, serbuan yang dilakukan oleh lima anggotanya itu hasil risikan yang dilakukan sejak dua minggu lalu.

Katanya, dalam serbuan itu pihaknya turut menyita sebuah lori tangki, dua unit pam dan sebuah tangki fiber yang terdapat dalam premis berkenaan dengan nilai rampas-

an berjumlah RM112,611. "KPDNHEP memang sangat serius aktiviti penyeleweng minyak diesel dan akan terus mempergiatkan usaha bagi membanteras penyeleweng yang melibatkan barangan kawalan yang disubsidikan oleh kerajaan terutamanya gas petroleum cecair (LPG), petrol dan diesel.

"Kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan jika disabitkan kesalahan seseorang itu boleh dikenakan denda sebanyak tidak melebihi RM1 juta atau penjara tidak boleh melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali manakala syarikat juga boleh dikenakan denda tidak lebih RM2 juta," katanya.